

Mahathir berjuang hingga berjaya

01 - 2 DEC 1983
BATU PAHAT, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berikrar akan terus berjuang hingga berjaya.

Ikrar itu dibuat di padang Pejabat Kerajaan di sini hari ini yang bergema dengan pekikan 'hidup Mahathir' oleh lebih 100,000 rakyat. Beliau seterusnya menekankan bahawa rakyat negara ini juga mempunyai daulat dan bermaruah.

"Janganlah sesiapa cuba memperkecil-kecilkan rakyat dan merejam muka pemimpin rakyat ke dalam lumpur kerana sejarah membuktikan perjuangan dan perpaduan rakyat berjaya mengatasi sebarang masalah.

Terbesar

"Kita tidak mahukan suasana tidak aman dan biarlah perhubungan sesama kita sentiasa baik, di mana kita dihormati dan kita juga menghormati orang lain," demikian tegas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika berucap di perhimpunan raksasa menyambut ketibaannya di sini untuk merasmikan

bangunan UMNO Bahagian Semerah.

Katanya, melalui perjuangan rakyatlah kemerdekaan dicapai dan wujud pemerintahan demokrasi yang menjamin kehendak dan keinginan rakyat.

Perdana Menteri yang mensifatkan perhimpunan itu sebagai terbesar dalam sejarah negara berkata, "Sebagai negara demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan, kerajaan memerlukan kuasa untuk memenuhi tanggungjawabnya terhadap rakyat.

Menyentuh pindaan Perlembagaan, Perdana Menteri menjelaskan ia bertujuan membebankan percanggahan kuasa antara Perlembagaan dengan konsep pemerintahan yang dipilih rakyat.

"Perlembagaan bukan Al-Quran, ia tidak diturunkan dari langit tetapi digubal oleh manusia biasa. Jadi ia tidak sunyi dari kesilapan dan perlu diperbaiki dari masa ke masa," ujarnya.

Datuk Seri Dr Mahathir menambah, pindaan Perlembagaan itu mendapat sokongan lebih 80 peratus ahli Parlimen termasuk pembangkang.

"Pindaan itu kita buat dengan teliti dan mengikut peraturannya, tapi alangkah kecewanya kita apabila keputusan itu tidak direstui kerana ada petualang yang cuba menimbulkan kekacauan," ujarnya.

Beliau berkata, mereka yang cuba menimbulkan kekacauan beranggapan pindaan Perlembagaan akan mematikan orang-orang Melayu, tapi sebenarnya mereka tidak memahami hasrat Perlembagaan.

Risalah

"Mereka ini cuma pandai-pandai sahaja. Dari lubang-lubang cacing mereka keluarlah risalah menentang ke sana sini untuk menimbulkan kekeliruan rakyat hinggalah ada kalangan orang kuat UMNO yang hilang keimanannya.

"Kita tidak hairan dengan mereka ini kerana jumlahnya kecil. Mereka ini perlu diberi pengajaran. Kalau kami tidak dapat mengajarnya, kita serahkan kepada tuan-tuan untuk mengajarnya," ujar beliau disambut dengan tepukan gemuruh.

Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata, golongan yang tidak menyokong perjuangan UMNO ini sa-

malah seperti beberapa orang Johor dalam tahun 1955 dulu yang tidak mahu menyertai Persekutuan Tanah Melayu.

Golongan ini, jelas beliau, mahukan Johor kekal di bawah pengaruh Inggeris kerana kononnya mereka dapat hidup mewah melalui seorang penasihat Inggeris.

"Orang-orang macam ini wujud juga di hari ini. Tapi kalau kita kaji latar belakang mereka tentulah kita dapati mereka itu kecewa kerana tidak dapat menyangand jawatan tertentu dan ada pula yang dimintanya tidak dapat.

"Jadi mereka ini tidak menyokong bukan kerana rakyat tapi kerana kepentingan ~~popul~~ sendiri semata-mata," tambahnya.

Bagaimanapun Perdana Menteri yakin masalah pindaan Perlembagaan itu dapat diselesaikan secara aman tanpa sebarang kacau bilau.

"Kita mempunyai banyak masalah lain, tapi kerana perkara yang kecil ini, kita terpaksa melencung sedikit dari tugas lain. Insyaallah dengan semangat yang tuan-tuan berikan ini, saya berikrar akan terus memperjuangkannya hingga berjaya," tambahnya.